



Syarat dan Peraturan Penerbitan Buku

Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam



editorpb.dbp@gmail.com




Bahagian Perancangan Buku
2382511 samb. 187



[bukudbpbunei](#)



[Buku Dbp Brunei](#)



Syarat dan Peraturan Penerbitan Buku Bahagian Perancangan Buku



Semua manuskrip yang dihantar ke Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam untuk diterbitkan menjadi buku, hendaklah mematuhi syarat dan peraturan seperti berikut:

- 1 Manuskrip hendaklah asli, bukan saduran, bukan hasil plagiat atau apa sahaja yang menyebabkannya bukan karya asli.
- 2 Manuskrip mestilah sesuai untuk bacaan masyarakat dan tidak menyentuh isu sensitif tentang agama, sosial, politik dan ekonomi.
- 3 Manuskrip yang lulus untuk diterbitkan menjadi hak milik DBP dan DBP mempunyai hak mutlak untuk menguruskan hak pengeluaran bersiri, hak terjemahan, hak mendramakan, hak perfileman, hak rakaman bagi karya tersebut, dan hak penerbitan elektronik atau e-buku.
- 4 Manuskrip hendaklah ditaip dalam jarak langkau satu setengah atau dua baris pada sebelah muka surat sahaja pada kertas berukuran A4.
- 5 Manuskrip hendaklah menggunakan fon Times New Roman atau Arial atau Cambria dengan saiz mata 12.
- 6 Dihantar dalam dua salinan berbentuk jilid sisir (*comb binding*) berserta cakera padat yang menggunakan program Microsoft Word atau Adobe Indesign CS4.
- 7 Halaman manuskrip hendaklah tidak kurang daripada 90 muka surat tidak termasuk glosari, lampiran dan bibliografi, kecuali buku kanak-kanak dan setiap halaman hendaklah dibubuh nombor muka surat.
- 8 Latihan ilmiah/disertasi/tesis yang hendak dijadikan buku hendaklah mendapat gred A atau B dengan menyertakan slip keputusan.
- 9 Bagi buku umum dan ilmiah (tidak termasuk koleksi artikel), nota kaki hendaklah dipindah menjadi nota akhir atau bibliografi.
- 10 hendaklah disertakan bersama sinopsis/ringkasan cerita/abstrak dan blurb.
- 11 hendaklah disertakan bersama glosari ataupun indeks jika berkenaan.
- 12 Jika sekiranya manuskrip tersebut pernah tersiar melalui media-media lain seperti melalui radio ataupun telah diterbitkan oleh

- Jabatan bukan Dewan Bahasa dan Pustaka, Penulis hendaklah meminta kebenaran (izin terbit) terlebih dahulu daripada agensi-agensinya berkenaan secara bertulis dan hendaklah menghadapkannya bersama manuskrip.
- 13 Jika Penulis ingin menerbitkan buku berbentuk koleksi atau kumpulan wacana/naskhah prosiding yang ditulis oleh Penulis lain ataupun anjuran agensi yang bukan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, kebenaran hendaklah dipohonkan daripada Penulis dan/atau agensi terbabit dan menghadapkannya bersama manuskrip.
 - 14 Bagi manuskrip yang mengandungi fakta-fakta tertentu misalnya tentang sejarah, perindustrian, pertanian dan sebagainya, Penulis hendaklah mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada jabatan-jabatan berkaitan dan menghadapkan surat pengesahan tersebut bersama manuskrip.
 - 15 Penulis yang berhasrat untuk mengantologikan cerpen, puisi ataupun drama, hendaklah memastikan nisbah 70 : 30 dipatuhi, iaitu 70% karya yang sudah terbit dalam majalah, dan 30% karya terbaharu atau terbit dalam majalah pada tempoh tiga tahun kebelakangan. Syarat utama bagi nisbah 70:30 ini juga menekankan karya belum dibukukan oleh DBP Brunei. Syarat 30% ini ditetapkan bagi memastikan perkembangan baharu dalam penulisan tanah air.
 - 16 Penulis yang berhasrat untuk menerbitkan kumpulan artikel dalam jurnal untuk dibukukan, diperbolehkan dengan syarat artikel berkenaan belum dibukukan oleh DBP Brunei.
 - 17 Bagi buku umum kanak-kanak dan remaja, jumlah halaman hendaklah tidak lebih daripada 70 muka surat.
 - 18 Bagi buku cerita kanak-kanak bergambar, manuskrip hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 16 rangkap dan tidak melebihi 32 rangkap perkembangan cerita. Penulis juga hendaklah menyertakan *storyboard* cerita berkenaan dan digalakkan untuk menyertakan gambar-gambar dalam cakera padat dengan program yang bersesuaian.
 - 19 Bagi buku komik, jumlah halaman tidak dihadkan.
 - 20 Bagi buku masakan, gubahan atau material budaya yang nyata (*tangible cultural heritage*) yang sesuai diperlihatkan, Penulis hendaklah mengadakan sesi demonstrasi atau tunjuk cara.

- 21 DBP lebih menumpukan penerbitan buku-buku yang berbentuk bahasa, sastera dan budaya. Walau bagaimanapun, buku-buku lain yang tidak termasuk dalam kategori tersebut juga akan dipertimbangkan mengikut kesesuaiannya.
 - 22 Hendaklah menyertakan biodata Penulis melalui borang yang disediakan, bersama gambar berukuran pasport yang terkini.
 - 23 Tiada Perjanjian Penerbit–Penulis bagi kumpulan karya lebih daripada seorang Penulis (karya berbentuk antologi atau kumpulan artikel yang dibukukan). Dan Penulis ini tidak dibayar royalti atau honorarium.
 - 24 Penulis jika didapati plagiat atau menerbitkan buku yang pernah terbit dalam buku persendirian oleh Penerbit yang sama atau sebaliknya, akan dikenakan denda membayar semula kos cetak, royalti dan honorarium.
 - 25 Jika manuskrip terpilih untuk diterbitkan, Penulis hendaklah bersedia untuk:
 - ✦ Membaca prof naskhah berkenaan dan seterusnya menandatangani borang pengesahan penyemakan dan persetujuan; dan
 - ✦ Memeterai satu ikat janji (akuan janji) antara Penulis dengan Pengarah DBP.
 - 26 DBP berhak mengubah tajuk buku yang dihantar untuk memberi nilai tambah kepada buku yang diterbitkan.
 - 27 DBP tidak bertanggungjawab terhadap sebarang dakwaan atau tuntutan undang-undang (hak cipta atau harta intelek) termasuk tuntutan ganti rugi daripada orang perseorangan mahupun pihak guaman dari dalam ataupun luar negeri.
 - 28 DBP akan sentiasa mengemas kini syarat dan peraturan ini dari semasa ke semasa.
- ✧ Untuk sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Perancangan Buku melalui talian 2382511 sambungan 187 atau menerusi e-mel editorupb.dbp@gmail.com .

KANAK-KANAK

SASTERA

ILMIAH

UMUM



